

22 MAY 2002

MAHATHIR-MISC/I

MAHATHIR NAMAI KAPAL TANGKI LNG MISC TERBARU PUTERI INTAN SATU

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dengan rasminya menamakan kapal tangki LNG ke-14 dan terbaru milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) Puteri Intan Satu, di Limbungan Koyagi, Mitsubishi Heavy Industries Ltd (MHI) di Nagasaki, Jepun.

Puteri Intan Satu adalah yang pertama daripada enam buah kapal tangki baru kelas LNG Puteri Satu yang telah ditempah oleh MISC sebagai sebahagian daripada program pembesaran kumpulan kapalnya yang akan memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai pemilik dan pengendali tunggal terbesar kapal-kapal tangki LNG di dunia, kata MISC di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pengerusi MISC, Tan Sri Mohd Hassan Marican, dan pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif, Datuk Mohd Ali Haji Yasin, hadir pada upacara itu. Pengerusi MHI, Nobuyuki Masuda, turut hadir.

Puteri Intan Satu, dengan kapasiti 137,100 meter padu akan menjalani percubaan laut sebelum diserahkan pada Ogos tahun ini.

Permulaan perkhidmatan kapal tangki baru itu akan membolehkan MISC, anak syarikat PETRONAS, mempertingkatkan lagi keupayaan dan keanjalannya untuk mengadakan pengangkutan LNG yang selamat dan boleh dipercayai bagi para pelanggannya.

Diperlengkap dengan sistem kawalan agihan (DCS) terancang bagi mengawal dan mengawasi operasi kargo dan jentera, Puteri Intan Satu telah juga direka bentuk khusus dan dibina supaya mampu mengendalikan semua terminal LNG utama di dunia.

Apabila diserahkan, Puteri Intan Satu akan menjadi kapal tangki kelas Puteri Satu pertama yang akan dikendali sepenuhnya oleh rakyat Malaysia yang telah dilatih di bawah Program Latihan Kadet MISC.

Di samping itu, Puteri Intan Satu juga telah mencatatkan satu lagi yang pertama, daripada segi kandungan tempatan, dengan penggunaan papan lapis Malaysia dalam pengeluaran kotak-kotak tebatan tangki kargonya.

Kotak-kotak itu membentuk sebahagian daripada komponen penting dan khusus tangki-tangki LNG.

Upacara penamaan hari ini menandakan sejarah penting dalam pertumbuhan MISC, khususnya dalam sektor pengangkutan LNG sejak penyerahan kapal LNG pertama syarikat itu dari Bintulu ke Terminal Sodegaura Tokyo Gas pada Februari 1983.

Daripada kumpulan awal hanya lima buah kapal di bawah siri Tenaga, MISC kini telah mengembangkan kumpulan kapal LNGnya kepada 13 buah dengan kapasiti kasar 1.36 juta meter padu, menjadikannya pemilik dan pengendali kumpulan kapal tunggal terbesar di dunia.

Ini merupakan kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan kapasiti dunia.

Syarikat itu sehingga kini telah membuat lebih 2,800 penghantaran kargo LNG dengan jumlah gabungan lebih 150 juta tonne.

Dengan penyerahan semua enam kapal tangki baru kelas Puteri Satu menjelang 2005, kapasiti pengangkutan LNG MISC akan ditingkatkan sebanyak 60 peratus kepada 2.18 juta meter padu.

Daripada enam buah kapal tangki baru itu, tiga telah dibina oleh MHI di Nagasaki manakala tiga lagi dibina oleh Mitsui Engineering & Shipbuilding di Chiba. -- BERNAMA

LES KTC OS